

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(II)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN JAWI
YB. H'NG MOOI LYE**

25. Sila nyatakan nama, kawasan dan status (aktif/terbengkalai) setiap kompleks penjaja atau kompleks makanan dibawah pemilik Pejabat Daerah & Tanah Seberang Perai Selatan (PDTSPS).
- (a) Sila senaraikan syarat-syarat bagi setiap permohonan untuk menyewa.
 - (b) Di manakah penyewa boleh dapat maklumat tentang kekosongan unit di setiap kompleks?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

25. Terdapat sejumlah 121 unit gerai yang berada di bawah seliaan Pejabat Daerah & Tanah Seberang Perai Selatan (PDTSPS). Butiran unit mengikut kompleks penjaja (gerai), kawasan berserta maklumat status adalah seperti di Lampiran A.
- (a) Senarai syarat-syarat bagi permohonan untuk menyewa gerai di bawah Pejabat Daerah & Tanah Seberang Perai Selatan adalah seperti di Lampiran B.
 - (b) Maklumat tentang kekosongan unit gerai di setiap kompleks penjaja dibuat melalui beberapa kaedah iaitu melalui laman web Pejabat Daerah & Tanah Seberang Perai Selatan, memasang *banner* yang digantung dan dipamerkan di kompleks penjaja yang mempunyai kekosongan dan hebahan yang dibuat kepada masyarakat setempat melalui Penghulu Kawasan. Selain itu, orang ramai juga boleh terus datang ke Bahagian Pembangunan

Daerah, PDTSPS bagi mendapatkan maklumat kekosongan gerai-gerai tanpa perlu menunggu hebahan dibuat secara rasmi melalui medium-medium yang dinyatakan di atas.